

# CODE OF CONDUCT

Tatakelakuan

2023

AIRBUS

AIRBUS

# Isi KANDUNGAN



<b>PESANAN CEO</b> . . . . .	<b>2</b>
<b>PESANAN LEMBAGA PENGARAH</b> . . . . .	<b>4</b>
<b>KEPADA SIAPAKAH TATAKELAKUAN INI TERPAKAI?</b> . . . . .	<b>4</b>
<b>PERANAN TATAKELAKUAN INI DALAM PERNIAGAAN KITA</b> . . . . .	<b>4</b>
<b>PERNYATAAN KOMITMENT PENGURUSAN KAWALAN EKSPORT</b> . . . . .	<b>5</b>
<b>SUARAKAN (SPEAK UP)</b> . . . . .	<b>6</b>
<b>MENGEMUKAKAN SOALAN</b> . . . . .	<b>7</b>
<b>NILAI TERAS AIRBUS</b> . . . . .	<b>8</b>
<b>WARGA KITA</b> . . . . .	<b>10</b>
Kepimpinan . . . . .	12
Kesihatan & Keselamatan . . . . .	14
Membina bakat kita melalui perangkuman & kepelbagaian. . . . .	16
Hak asasi . . . . .	18
Manusia perhubungan . . . . .	20
Buruh impak komuniti . . . . .	22
<b>INTEGRITI PERNIAGAAN KITA</b> . . . . .	<b>24</b>
Anti-sogokan dan rasuah . . . . .	26
Bekerja dengan pihak ketiga . . . . .	30
Pencegahan pengubahan wang haram dan pengelakan cukai . . . . .	34
Pengurusan percanggahan kepentingan . . . . .	36
Kawalan eksport . . . . .	38
Bersaing secara adil . . . . .	40
Perdagangan orang dalam . . . . .	42
<b>PRODUK, ASET DAN DATA KITA</b> . . . . .	<b>44</b>
Keselamatan produk . . . . .	46
Alam sekitar . . . . .	48
Melindungi aset kita . . . . .	50
Mengekalkan rekod yang tepat . . . . .	52
Kerahsiaan data dan etika digital . . . . .	54
Mengurus komunikasi kita . . . . .	56

## “ KOD UNTUK MASA HADAPAN... ”



Rakan sekerja setugas yang dihormati,

Dalam Airbus, terdapat pautan yang tidak dapat dinafikan yang menyatukan kita semua iaitu semangat untuk produk kita. Semangat dan kualiti produk kita telah menjadi asas kepada kejayaan kita sepanjang 50 tahun yang lepas, sekaligus mengukuhkan reputasi kita di seluruh dunia. Jenama Airbus menandakan semangat berani dan inovatif yang terdapat pada beberapa industri lain.

Walaupun memerlukan seumur hidup untuk membina reputasi yang baik, namun ia hanya memerlukan seketika sahaja untuk memusnahkannya. Satu keputusan yang buruk boleh menghancurkan jenama kita. Pada waktu yang mencabar, kita mesti menegaskan semula dan menunjukkan komitmen kita kepada nilai teras yang membina syarikat kita.

lanya bermula dengan komitmen kita untuk menjalankan perniagaan dengan integriti-untuk kebaikan syarikat kita, warga kita, pelanggan kita dan para pemegang saham kita.

Melalui produk kita, Airbus ialah salah satu syarikat yang paling diteladani di seluruh dunia. Kita juga berhasrat untuk menjadi peneraju dalam integriti korporat dan menyedari bahawa ini adalah sinonim dengan pertumbuhan perniagaan yang mampan dan mewujudkan kelebihan daya saing untuk Airbus dari semasa ke semasa.

Tatakelakuan yang baharu ini menandakan kemajuan berterusan luar biasa yang Airbus telah buat pada pematuhan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab sejak beberapa tahun lalu. Walaupun masih ada kerja yang perlu dilakukan, saya berharap anda semua akan terus menyokong perjalanan ini dengan merangkumi prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini dalam setiap aspek kerja harian anda.

Selain menegaskan semula nilai kita, Tatakelakuan ini direka untuk memberi anda panduan yang mesra-pengguna dan praktikal

mengenai kelakuan betul yang diperlukan untuk membina hubungan perniagaan antara Airbus dengan pihak berkepentingannya, berdasarkan kepercayaan. Sila baca dengan teliti dan pastikan Tatakelakuan ini dipatuhi di sekeliling anda. Jika anda melihat sesuatu yang luar biasa dalam kerja atau persekitaran anda, saya menggalakkan anda suarakan.

Saya berbangga dapat bekerja berganding bahu dengan anda untuk mencapai matlamat kita bagi membina dunia yang lebih baik, lebih selamat, dan lebih makmur. Sertai saya dalam memberi tumpuan kepada perkara yang benar-benar penting: memelihara integriti kita dan memegang nilai kita untuk tujuan memberi kepentingan terbaik kepada syarikat kita Airbus yang hebat.

Salam hormat,

**Guillaume FAURY**

Mei 2019

---

# Pesanan lembaga pengarah

menunaikan janji dan kata yang meyakinkan...

Anda tidak boleh memimpin warga anda melebihi dari apa yang anda sendiri sanggup melakukannya sendiri. Kita bersungguh-sungguh dengan prinsip ini dan berusaha untuk memimpin melalui teladan bagi menyokong komitmen Airbus untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan menjalankan perniagaannya dengan integriti dan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan.

---

# Kepada siapakah Tatakelakuan ini Terpakai?

Dari barisan pemasangan akhir hingga ke bilik lembaga korporat kita, kita mengamalkan dan menunjukkan kepatuhan kita dengan Tatakelakuan ini di seluruh organisasi kita. Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pekerja dan pengarah Airbus, tanpa mengira nama jawatan, tanggungjawab, kekananan atau lokasi mereka, dalam setiap anak syarikat atau syarikat usaha sama yang kita mempunyai kawalan.

Di samping itu, Airbus menggalakkan penggunaan piawai etika yang kukuh oleh pihak berkepentingan kita yang lain, termasuk pelanggan, pembekal, rakan kongsi dan kontraktor. Kita telah menerbitkan Tatakelakuan ini agar dapat diakses dengan mudah oleh pekerja, pengarah dan pihak berkepentingan lain yang kita dorong untuk menerima pakai piawai yang serupa.

---

# Peranan tatakelakuan ini dalam perniagaan kita

Tatakelakuan ini bertujuan untuk memberi anda pemahaman mengenai harapan dan piawaian Airbus untuk tingkah laku yang beretika dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Setiap bab mengandungi perkara yang Dibenar dan yang Dilarang serta contoh kehidupan sebenar bagi membolehkan dokumen ini berfungsi sebagai panduan rujukan apabila anda mempunyai soalan tentang cara kita menjalankan perniagaan.

Walaupun Tatakelakuan ini menyediakan contoh-contoh praktikal mengenai isu-isu yang sering timbul, untuk menjangka setiap keadaan yang akan timbul adalah mustahil. Apabila terdapat keraguan, kami menggalakkan anda mendapatkan nasihat dan Bersuara untuk menzahirkan sebarang situasi yang mungkin melanggar undang-undang atau dasar dan piawaian dalaman kita.

Sekiranya anda seorang ketua pasukan atau pengurus, anda mempunyai tanggungjawab tertentu untuk mewujudkan persekitaran yang ahli pasukan anda berasa yakin dan mampu menyuarakan kebimbangan, mendengar dengan teliti kebimbangan mereka dan mengambil semua tindakan yang sesuai sebagai respon anda.

---

# Pernyataan komitmen pengurusan kawalan eksport

Airbus dan anak syarikatnya adalah komited untuk mematuhi semua kawalan eksport yang berkenaan, khususnya yang dikenakan di Kesatuan Eropah dan Negara Anggotanya serta Peraturan Perdagangan Senjata Antarabangsa (ITAR) Amerika Syarikat (AS), Akta Kawalan Eksport Senjata ('AECA') AS dan Peraturan Pentadbiran Eksport ('EAR') Amerika Syarikat. Komitmen ini menjangkau penggalakkan pematuhan yang ketat secara berterusan terhadap peraturan-peraturan ini dan kewajipan global kita untuk mematuhi kawalan eksport kebangsaan.

Dasar Airbus mewajibkan semua pekerja mematuhi kawalan eksport negara, dasar dan peraturan eksport Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Dalam apa jua keadaan, eksport tidak boleh dijalankan secara melanggar peraturan eksport setempat, Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat oleh mana-mana individu yang mengendalikan operasi bagi pihak Airbus.

Pekerja di seluruh dunia tidak boleh mengeksport, mengeksport semula atau memindahkan sebarang barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan pertahanan (termasuk data teknikal) yang tertakluk pada ITAR, melainkan jika keizinan yang sewajarnya telah diperolehi. Barang ini termasuklah barang keluaran asing yang disepadukan, atau produk langsung daripada teknologi, perisian atau data teknikal Amerika Syarikat.

Airbus meminta semua pekerja menitikberatkan hal ini dan menyokong Airbus dalam usaha ini. Jika anda mempunyai pertanyaan yang berkaitan dengan kesahan urus niaga atau mempunyai kebimbangan tentang pelanggaran yang mungkin berlaku, sila hubungi orang hubungan kawalan eksport setempat anda atau Ketua Kawalan Eksport Kumpulan kita. Anda juga boleh mengemukakan aduan menggunakan Airbus OpenLine.

## Suarakan (Speak Up)

Airbus komited untuk mengekalkan budaya Bersuara dengan menggalakkan dialog terbuka dan boleh dipercayai dengan pekerja di semua peringkat. Semua pekerja digalakkan untuk menyuarakan pandangan mereka, mempertahankan pendapat mereka dan menyuarakan tingkah laku yang tidak boleh diterima, terutama tingkah laku yang melanggar Tatakelakuan ini. Pekerja boleh menyuarakan kebimbangan kepada pengurus bahagian mereka, Rakan Niaga Sumber Manusia mereka, kepada wakil Perundangan & Pematuhan, atau melalui Airbus "OpenLine" ([www.airbusopenline.com](http://www.airbusopenline.com)).

OpenLine ialah saluran untuk pekerja dan pihak berkepentingan lain mengemukakan aduan dengan selamat dan rahsia atau secara tanpa nama. Aduan boleh dikaitkan dengan Tatakelakuan, dasar dan piawai kita, atau dengan pematuhan undang-undang mahupun peraturan yang berkenaan. Penggunaan OpenLine adalah sepenuhnya atas pilihan dan secara sukarela, tidak akan ada akibat bagi pekerja yang tidak menggunakan sistem ini.

Airbus melindungi mereka yang Bersuara dan menyuarakan kebimbangan sewajarnya serta dengan niat baik; kami tidak bertindak balas terhadap sesiapa yang menyuarakan kebimbangan, atau mereka yang membantu dalam siasatan terhadap pelanggaran yang disyaki. Tindakan balas boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, baik secara langsung dan tidak langsung, termasuk: gangguan, pengecualian daripada mesyuarat, sekatan, pemecatan atau tindakan diskriminasi yang lain, khususnya berkaitan dengan pampasan, perkongsian keuntungan, anugerah saham percuma, klasifikasi pekerjaan, penilaian prestasi, kenaikan pangkat, latihan, pemindahan, pembaharuan kontrak dll. Jika anda percaya bahawa anda telah berdepan dengan tindakan balas kerana melaporkan sesuatu isu, sila hubungi ahli kakitangan bahagian Perundangan & Pematuhan.

## Mengemukakan Soalan

Selain melaporkan kesalahan yang berkemungkinan, Airbus menggalakkan pekerjaannya untuk mendapatkan penjelasan apabila diperlukan Tatakelakuan ini tidak dapat menangani setiap situasi mencabar yang mungkin timbul. Jika anda mempunyai soalan mengenai topik yang dirangkumi dalam Tatakelakuan, anda boleh mengemukakannya dengan menghubungi mereka yang disenaraikan dalam setiap bab atau kepada:

- Pengurus bahagian anda
- Ahli kakitangan bahagian Perundangan & Pematuhan
- Rakan Kongsi Niaga Sumber Manusia anda
- [compliance@airbus.com](mailto:compliance@airbus.com)

Mel: Airbus Ethics & Compliance  
2 Rond-Point Emile Dewoitine  
BP 90112  
31703 Blagnac cedex - France

Selain kakitangan bahagian Perundangan & Pematuhan, Airbus mempunyai rangkaian Perwakilan Etika & Kepatuhan sambilan (ECR), merangkumi semua Bahagian, fungsi, dan kawasan. Walaupun ahli rangkaian ECR bukan pakar pematuhan, mereka memainkan peranan penting dalam mempromosikan program & budaya E&C Airbus (termasuk Nilai dan Tatakelakuan Airbus) dan digunakan sebagai penghubung kepada setiap pekerja yang mempunyai pertanyaan mengenai program E&C atau ingin menyuarakan kebimbangan E&C.

# Nilai Teras Airbus

Bab di dalam Tatakelakuan ini disusun berdasarkan tema Warga, Integriti Perniagaan, dan Produk, Aset, dan Data.

Setiap bab dibina berdasarkan nilai teras yang anda, pekerja kita, dipilih dan ditentukan untuk syarikat kita:

- **Kita ialah Satu/ Kerjasama Pasukan**
- **Tumpuan Pelanggan**
- **Kebolehpercayaan**
- **Rasa hormat**
- **Kreativiti**
- **Integriti**

Enam nilai teras ini menjadi keutamaan Airbus dan membantu kita menentukan bukan sahaja apa kita lakukan tetapi cara kita melakukannya. Misi kolektif kita adalah untuk menghayati nilai ini dalam segala yang kita lakukan, setiap hari.

Airbus

# Nilai kami

Kita ialah Satu/  
Kerjasama Pasukan

Tumpuan Pelanggan

Kebolehpercayaan  
Rasa hormat  
Kreativiti

Intégrité



# Warga KITA

---

“Kita merasa, bertindak dan berkelakuan sebagai satu keluarga yang besar untuk mewujudkan tempat kerja menarik dan terangkum yang memberi kesejahteraan, pembangunan peribadi serta kepercayaan untuk memacu prestasi pasukan yang terbaik.”

“Kita melayani satu sama lain dan semua pihak berkepentingan sepertimana kita ingin dilayani, dengan hormat, menerima kepelbagaian.”

“Kita bersikap ingin tahu, berani, bersemangat, berfikiran terbuka, dan mengiktiraf kreativiti di semua peringkat.”

Nilai Airbus

# Kepimpinan

## Prinsip utama

Di Airbus, kita menyadari bahawa pemimpin ada di mana-mana: mengubah syarikat, menarik organisasi ke hadapan, mempengaruhi orang lain untuk mencapai matlamat kolektif, memperkasa dan melatih pasukan dan melaburkan tenaga untuk memacu prestasi. Kita bergantung pada pemimpin dan pengurus pasukan di setiap peringkat syarikat untuk menerima tanggungjawab menyemai budaya integriti di dalam Airbus.



## LAKUKAN

- Menghargai, menyokong dan membangunkan orang lain, dengan berfikir dan bertindak sebagai pemain pasukan yang boleh dipercayai dan menguruskan sebarang risiko atau percanggahan secara proaktif.
- Bersikap jujur dan rendah hati, bertindak dengan penuh integriti, dan menghormati pandangan yang berbeza.
- Menggalakkan budaya Bersuara supaya pekerja berasa selesa membincangkan risiko atau mengemukakan kebimbangan, dengan mengambil masa yang diperlukan untuk mendengar dan menggalakkan dialog dan maklum balas.
- Mengambil keputusan tepat pada masanya dan mengambil kira kepentingan Airbus, dan menerima tanggungjawab dan kebertanggungjawaban peribadi untuk bekerja mengikut Tata ini.



## JANGAN LAKUKAN

- Tergesa-gesa apabila membuat keputusan yang rumit.
- Menafikan kebertanggungjawaban atau bersembunyi di sebalik hierarki semasa menyampaikan pesanan yang sukar.
- Menyebarkan khabar angin, memburuk-burukkan atau menjejaskan kerja ahli pasukan atau rakan lain.
- Menganggap anda sudah selesai belajar.



## S&J

**Saya cuba memimpin dengan semangat. Apa lagi yang boleh saya lakukan untuk memberi motivasi rakan sekerja saya?**

Cari cara untuk menghubungkan hasil kerja rakan sekerja anda kepada gambaran besar dan pentingnya peranan mereka dalam pembangunan produk dan perkhidmatan Airbus. Galakkan rakan sekerja untuk menyatakan pandangan mereka yang berbeza dan berikan pertimbangan kepada setiap pandangan - malah mereka yang paling senyap di dalam bilik boleh memberi pandangan yang bernilai. Sentiasa melayan rakan sekerja dengan hormat.

**Saya seorang pakar dalam bidang saya tetapi saya ingin tahu tentang perkara yang dilakukan oleh orang lain di dalam syarikat dan sama ada perubahan kerjaya mungkin adalah baik untuk saya. Apa yang boleh saya lakukan?**

Hebat! Pemimpin Airbus juga sentiasa membelajar Walaupun anda seorang pakar dalam bidang anda, kelebihan Airbus adalah terdapat ruang untuk sentiasa berkembang dan belajar tentang bahagian lain dalam syarikat, isu global yang mempengaruhi kerja kita dan perkembangan dalam bidang anda sendiri. Kami menggalakkan anda untuk mencari peluang ini sama ada di tempat kerja, melalui kursus yang ditawarkan oleh Airbus, atau sebaliknya.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Leadership Model (Model Kepimpinan Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Pusat Kepakaran Sumber Manusia "Kepimpinan, Perangkuman & Evolusi Kebudayaan"
- Rakan Kongsi Perniagaan Sumber Manusia Anda



# Kesihatan & Keselamatan

## Prinsip utama

Airbus komited untuk meneruskan standard kesihatan dan keselamatan yang tertinggi dan telah menggunakan prinsip Standard Antarabangsa ISO 45001.

Keutamaan kita adalah:

1. melindungi setiap orang dan perniagaan daripada risiko kesihatan dan keselamatan yang mungkin timbul daripada aktiviti kerja kita,
2. membina budaya kesihatan dan keselamatan di mana kita semua menerima tanggungjawab yang sesuai untuk diri kita dan orang lain, dan
3. memastikan pengurusan baik kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan yang berkaitan dengan pekerjaan sebagai keutamaan beretika dan komersial.



## LAKUKAN

- Bertanggungjawab untuk kesihatan dan keselamatan anda dan orang lain.
- Mengenal pasti dan mengurangkan risiko kesihatan dan keselamatan sebelum anda memulakan kerja.
- Bersuara apabila keselamatan, kesihatan atau integriti di tempat kerja terjejas dalam apa-apa cara sekalipun.
- Bercita-cita untuk mencapai sifar kecederaan berkaitan pekerjaan atau keadaan yang tidak sihat.



## JANGAN LAKUKAN

- Menjejaskan kesihatan dan keselamatan.
- Mengabaikan peraturan dan prosedur kesihatan dan keselamatan.
- Tidak peduli apabila orang lain bekerja dengan tidak selamat.
- Lupa melaporkan sebarang kemalangan kepada pengurus bahagian anda atau pengamal kesihatan dan keselamatan setempat anda.



## S&J

### Apakah yang perlu saya lakukan jika saya mempunyai kebimbangan tentang keselamatan?

Anda harus menghentikan tugas anda dan memastikan keselamatan anda dan orang lain sebelum memulakan semula kerja. Anda juga harus melaporkan sebarang isu keselamatan kepada pengurus bahagian anda atau pengamal keselamatan dan kesihatan setempat dengan segera.

### Apakah yang perlu saya lakukan jika saya mengalami kemalangan?

Pertama, anda perlu mengambil tindakan segera untuk melindungi daripada kerosakan yang lebih teruk dan harus meminta bantuan jika diperlukan. Seterusnya, anda perlu sentiasa melaporkan kemalangan dan insiden kepada pengurus bahagian anda atau pengamal kesihatan dan keselamatan setempat, serta merekodkan peristiwa tersebut mengikut keperluan syarikat. Pengajaran yang dipelajari daripada kemalangan anda dapat membantu mencegah orang lain daripada mengalami kecederaan pada masa akan datang.

### Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai peralatan perlindungan diri (PPE)?

Anda tidak boleh bekerja tanpa PPE yang diperlukan. Tanya pengurus bahagian anda atau pengamal keselamatan dan kesihatan setempat untuk mendapatkan PPE yang sesuai dan, jika perlu, latihan tentang cara menggunakannya.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Occupational Health and Safety Policy (Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Kesihatan dan Keselamatan

# Membina bakat kita melalui perangkuman & kepelbagaian

## Prinsip utama

Di Airbus, kepelbagaian adalah bahagian teras identiti kita, dengan pekerja dari lebih 130 buah negara. Kami merekrut, memilih dan membangunkan warga kita atas merit, tanpa mengira bangsa, warna, agama, jantina, umur, orientasi seksual, identiti jantina, status perkahwinan, ketidakupayaan atau status lain yang serupa. Kita berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang merangkumi di mana perbezaan diterima dan memanfaatkan perbezaan kami untuk mencapai hasil perniagaan yang lebih baik. Tanpa mengira siapa anda dan tempat asal anda, Airbus menyokong perkembangan profesional anda. Kejayaan Airbus bergantung kepada kejayaan kakitangan kita.



## LAKUKAN

- Melayan semua orang yang anda temui semasa menjalankan perniagaan dengan adil, rasa hormat dan bermaruah.
- Membina pasukan yang berprestasi tinggi dan inovatif dengan menarik kebijaksanaan kolektif tenaga kerja yang pelbagai.
- Bersuara jika anda menyaksikan atau menyedari apa-apa tingkah laku yang anda percaya merupakan buli, gangguan, atau diskriminasi.
- Menegur tingkah laku yang tidak sesuai dan melaporkan kelakuan tidak wajar.



## JANGAN LAKUKAN

- Tidak menggalakkan atau menghalang orang lain daripada berkembang secara profesional atau menumpukan hanya kepada pekerja yang dilihat sebagai berpotensi tinggi - pembangunan adalah untuk semua.
- Terlibat dalam sebarang bentuk gangguan, termasuk ungkapan, gerak isyarat, komen atau hubungan fizikal yang tidak disenangi.
- Mengabaikan bukti diskriminasi di sekeliling anda.



## S&J

**Saya bersemangat tentang kepelbagaian tetapi saya bimbang orang lain mungkin tidak berkongsi visi yang sama. Apa yang boleh saya lakukan untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih pelbagai?**

Anda boleh membincangkan kepelbagaian dengan rakan sekerja anda dan menonjolkan manfaat mempunyai tempat kerja yang pelbagai dan terangkum. Berhati-hati dengan kesan keutamaan peribadi anda semasa anda merekrut dan menugaskan projek. Jika anda menyaksikan tindakan diskriminasi, anda hendaklah berani dan menegur tingkah laku yang tidak sesuai. Rakan Kongsi Perniagaan Sumber Manusia anda boleh mencadangkan alat lain untuk menyokong kerja Airbus di ruang ini.

**Saya cuba membina pasukan yang pelbagai kerana saya telah dimaklumkan bahawa perbezaan kita akan membolehkan kita menyampaikan hasil yang lebih baik, tetapi saya mendapati kita kehilangan masa kerana menangani perbezaan budaya dan bahasa. Bukankah ia lebih berkesan untuk membentuk pasukan yang mempunyai ahli berlatar belakang yang sama?**

Bersabar dan teruskan bekerja dalam pasukan yang ahlinya pelbagai. Kajian menunjukkan bahawa walaupun pasukan yang pelbagai ahli mengambil masa lebih lama untuk mencari pendekatan yang harmoni tetapi mereka mencapai hasil yang lebih baik secara keseluruhan.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Inclusion & Diversity community on the Hub (Komuniti Perangkuman & Kepelbagaian dalam Hab)
- My Development community on the Hub (Komuniti Pembangunan saya dalam Hab)



## Pihak untuk dihubungi

- [embrace-diversity@airbus.com](mailto:embrace-diversity@airbus.com)
- Pusat Kepakaran Sumber Manusia "Kepimpinan, Perangkuman & Evolusi Kebudayaan"
- Rakan Kongsi Perniagaan Sumber Manusia Anda

# Hak asasi manusia

## Prinsip utama

Hak asasi manusia adalah untuk semua orang tanpa mengira kewarganegaraan, tempat kediaman, jantina, asal nasional atau etnik, agama atau mana-mana status lain yang serupa. Airbus mempunyai pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk pelanggaran hak asasi manusia, termasuk perhambaan moden dan buruh kanak-kanak, dalam perniagaan, operasi, dan rantaian bekalan.



## LAKUKAN

- Melayan semua orang dengan bermaruah dan rasa hormat.
- Memastikan anda mengetahui cara untuk mengenal pasti dan melaporkan segala bentuk salah guna hak asasi manusia.
- Jika anda rasa terdapat individu berada dalam bahaya semasa anda menjalankan tugas anda, buatlah laporan terus kepada pihak polis atau entiti lain yang terbaik untuk melindungi individu tersebut dan memaklumkan kepada Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Buat-buat tidak nampak atau takut melaporkan sesuatu yang anda fikir melanggar hak asasi manusia, walaupun mereka bekerja untuk salah satu pembekal Airbus.
- Percubaan untuk menangani isu sendiri di luar saluran pelaporan yang sesuai.



## S&J

**Di sebuah negara tempat salah satu daripada pembekal kita berpangkalan, mengupah seseorang yang berumur 12 tahun adalah sah. Saya baru-baru ini mengetahui bahawa pembekal ini mengupah sejumlah pekerja yang berumur 12 tahun. Adakah ini boleh diterima oleh Airbus?**

Tidak. Airbus komited terhadap penghapusan buruh kanak-kanak dan tidak akan bekerja dengan pihak ketiga yang menggunakan buruh kanak-kanak dalam operasi mereka. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menetapkan umur minimum umum untuk pekerjaan atau bekerja ialah 15 tahun (13 untuk kerja ringan) dan umur minimum untuk kerja berbahaya ialah 18 (16 adalah di bawah syarat ketat yang tertentu). Jika anda prihatin terhadap amalan pembekal, anda harus melaporkan isu tersebut kepada sama ada pengurus bahagian anda atau ahli kakitangan pihak Perundangan & Pematuhan atau secara rahsia melalui OpenLine.

**Semasa lawatan kepada pembekal, saya bimbang kerana telah melihat bukti bahawa terdapat beberapa pekerja mereka mungkin tidur di premis. Apakah yang perlu saya buat?**

Ini adalah situasi yang sukar dan sensitif yang biasanya tidak boleh diterima di premis Airbus dan boleh menjadi petunjuk kepada perhambaan moden. Jika anda bimbang, anda harus membuat laporan kepada sama ada pengurus bahagian anda atau ahli kakitangan pihak Perundangan & Pematuhan, atau secara rahsia melalui OpenLine. Walau bagaimanapun, jika anda fikir seseorang mungkin berada dalam keadaan cemas, anda harus melaporkan kebimbangan anda melalui saluran keselamatan tempatan yang boleh melindungi seseorang yang berada dalam bahaya (cth., Pengurusan Airbus, pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang, atau sebaliknya).

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Human Rights Policy (Dasar Hak Asasi Manusia)
- Airbus Responsibility & Sustainability Charter (Piagam Tanggungjawab & Kelasterian Airbus)
- Airbus International Framework Agreement (Perjanjian Rangka Kerja Antarabangsa Airbus)
- Airbus Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Tanggungjawab & Kelasterian

# Perhubungan buruh

## Prinsip utama

Airbus mempunyai sejarah yang terlibat dalam dialog sosial yang membina dengan organisasi perniagaan dan majikan, kesatuan sekerja, organisasi antarabangsa dan pihak berkepentingan lain untuk mencapai kejayaan ekonomi, keselamatan pekerjaan, dan kebajikan pekerja Airbus. Dengan sanggup untuk mematuhi Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) dan Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, Airbus mengiktiraf hak pekerja untuk membentuk, menyertai, dan aktif dalam kesatuan sekerja dan badan wakil pekerja mengikut undang-undang negara, perjanjian perundingan kolektif, dan adat tempatan.



## LAKUKAN

- Memastikan Airbus melindungi kepentingan pekerjaannya termasuk melalui pencapaian kejayaan kewangan jangka panjang.
- Menyokong dialog sosial sebagai satu cara untuk menyokong layanan yang adil dan saksama bagi semua pekerja kita.
- Setuju dengan langkah latihan untuk pekerja yang membolehkan tenaga kerja kita berkembang secara profesional dan meningkatkan daya saing Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Mengganggu atau mempengaruhi pilihan bebas pekerja untuk membentuk atau menyertai badan untuk mewakili kepentingan mereka.
- Melayan ahli kesatuan sekerja dengan lebih atau kurang daripada pekerja lain.



## S&J

**Saya tidak pasti sama ada sesuatu masalah harus melibatkan input daripada wakil pekerja. Siapakah boleh saya bertanya mengenai perkara ini?**

Anda perlu menghubungi bahagian Sumber Manusia tempatan anda, yang dapat membantu anda membuat keputusan ini.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- International Framework Agreement (Perjanjian Rangka Kerja Antarabangsa)
- Agreement on the Airbus SE-Works Council and its derived Division European Committees (Perjanjian mengenai Majlis Kerja-SE Airbus dan Jawatankuasa Divisyen Eropah yang diterbitkan)
- Forum Global Airbus



## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Perhubungan Perindustrian Sumber Manusia
- Bahagian Perundangan & Pematuhan

# Impak komuniti

## Prinsip utama

Kita berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial komuniti dengan bekerjasama dengan pihak berkepentingan tempatan dan organisasi antarabangsa, dan dengan menggalakkan pekerja Airbus untuk menyumbangkan masa mereka bagi tujuan yang wajar melalui Yayasan Airbus dan saluran lain. Derma amal, bersama-sama dengan sumbangan politik, mesti sentiasa dikaji semula dan diluluskan sebelum dibuat dan harus direkodkan dengan tepat dalam buku dan rekod Airbus.



## LAKUKAN

- Membiasakan diri dengan Piagam Tanggungjawab & Kelasterian.
- Ketahui lebih lanjut mengenai kerja Yayasan Airbus dan peluang sukarelawan yang tersedia untuk pekerja yang menyokong aktiviti mereka.
- Pastikan sumbangan amal syarikat adalah sesuai dan sepadan.



## JANGAN LAKUKAN

- Buat sebarang sumbangan amal bagi pihak Airbus tanpa menerima kelulusan di bawah dasar Airbus yang berkenaan mengenai tajaan dan derma.
- Melakukan aktiviti yang mungkin memberikan risiko reputasi kepada syarikat.



## S&J

### Aktiviti apakah impak komuniti yang dijalankan oleh Yayasan Airbus?

Misi Yayasan memfokuskan pada dua tonggak utama: Aktiviti Kemanusiaan dan Pembangunan Belia. Terdapat beberapa cara untuk melibatkan pekerja, contohnya menjadi sukarelawan untuk program Cabaran Penerbangan Airbus.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Responsibility & Sustainability Charter (Piagam Tanggungjawab & Kelasterian Airbus)
- laman web Yayasan Airbus: <https://www.airbus.com/company/airbus-foundation.html>
- Requirements for Sponsorships, Donations and Corporate Memberships (Keperluan untuk Tajaan, Derma dan Keahlian Korporat)



## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Tanggungjawab & Kelasterian
- Yayasan Airbus



# INTEGRITI PERNIAGAAN kita

---

“Kita mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah.”

“Kami bertindak dengan penuh integriti dan mengambil langkah yang sesuai untuk membasmi tingkah laku yang tidak beretika dan tidak mematuhi.”

Nilai Airbus

# Anti-sogokan dan rasuah

## Prinsip utama

Airbus mempunyai toleransi sifar untuk sebarang bentuk sogokan atau menjaja pengaruh. Kita tidak menawarkan, membayar atau menerima sogokan mahupun suapan untuk sebarang tujuan, sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga. Kita tidak membuat bayaran pemudahan atau membenarkan orang lain membuatnya bagi pihak kita. Sebelum menawarkan atau menerima apa-apa hadiah atau layanan, kita hendaklah memastikan bahawa nilai tersebut adalah munasabah dan dibenarkan di bawah dasar dan standard dalaman Airbus, bahawa hadiah atau layanan tersebut tidak akan dilihat sebagai mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar. Interaksi dengan pegawai kerajaan atau organisasi negeri menunjukkan risiko tertentu yang mesti ditangani dengan secukupnya.



## LAKUKAN

- Menjalankan perniagaan dengan integriti tertinggi, sentiasa konsisten dengan undang-undang anti-sogokan serta dasar dan piawaian dalaman kita.
- Memaklumkan pihak Perundangan & Pematuhan jika anda menyedari sebarang permintaan atau usaha yang dibuat oleh pelanggan, pembekal atau pihak ketiga yang lain untuk bayaran yang tidak wajar.
- Isytihar dan dapatkan kelulusan terlebih dahulu untuk sebarang hadiah atau layanan yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan oleh Airbus.
- Menghadiri latihan yang diperlukan sesuai dengan peranan khusus anda di Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Menawarkan, memberi kuasa atau menjanjikan sesuatu yang bernilai untuk memperoleh atau mengekalkan kelebihan yang tidak wajar, termasuk bayaran kecil yang bertujuan untuk mempercepatkan tindakan kerajaan yang rutin (bayaran pemudahan).
- Membuat kerja melalui pihak ketiga untuk membuat sebarang janji atau pembayaran yang anda tidak dapat dibuat di bawah dasar dan standard dalaman Airbus.
- Menawarkan atau menerima sebarang hadiah atau layanan yang mewah atau keterlaluan, atau sebarang hadiah tunai atau setara tunai seperti kad hadiah.



## S&J

### Apa itu sogokan?

Sogokan bermakna menjanjikan, menawarkan, memberi, meminta, atau menerima wang secara langsung atau tidak langsung atau apa-apa nilai kepada atau daripada orang lain, untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau memperoleh beberapa kelebihan yang tidak wajar. Sogokan boleh jadi aktif atau pasif. Sogokan aktif merujuk kepada seseorang yang memperoleh atau cuba mendapatkan kelebihan yang tidak wajar dengan menawarkan atau memberi wang atau apa-apa yang bernilai kepada pegawai awam atau pihak swasta. Sogokan pasif merujuk kepada pihak swasta atau pegawai awam yang mengambil kesempatan daripada kedudukannya dengan meminta atau menerima wang atau apa-apa yang bernilai, sebagai pertukaran untuk melaksanakan (atau menahan diri daripada melaksanakan) tugasnya secara tidak adil, atau untuk mengenakan pengaruhnya secara tidak wajar.

### Apakah itu mengguna pengaruh?

Di kebanyakan negara, menjaja pengaruh adalah satu bentuk sogokan la berlaku apabila seseorang menjanjikan, menawarkan atau memberi wang secara langsung atau tidak langsung atau sesuatu bernilai kepada seorang pegawai awam atau pihak swasta, supaya pihak tersebut akan menyalahgunakan pengaruh sebenar atau yang sepatutnya untuk mendapatkan perbezaan, pekerjaan, kontrak atau keputusan lain yang menguntungkan daripada pihak berkuasa atau pentadbiran awam.

### Apakah itu bayaran pemudahan?

Bayaran pemudahan adalah bayaran kecil dan tidak rasmi kepada pegawai awam peringkat rendah yang dibuat untuk mempercepat atau mendapatkan proses pentadbiran rutin. Selaras dengan kebanyakan undang-undang anti-sogokan, Airbus melarang bayaran sedemikian.

### Saya telah berjumpa dengan seorang wakil syarikat penerbangan milik negeri yang meminta peluang latihan praktikal untuk anaknya. Bagaimanakah saya harus bertindak balas terhadap permintaan ini?

Mengendalikan permintaan ini dengan berhati-hati kerana, di bawah undang-undang anti-sogokan, tawaran latihan praktikal ini dapat dilihat sebagai “benda yang bernilai” diberikan oleh Airbus untuk menerima kelebihan yang tidak wajar daripada pegawai awam ini. Oleh itu, jelaskan kepada wakil tersebut bahawa anda tidak bertanggungjawab ke atas permohonan sedemikian dan rujuk dia kepada proses permohonan rasmi Airbus. Latihan praktikal harus ditawarkan hanya melalui saluran Sumber Manusia yang biasa, berdasarkan cara latar belakang pelatih sepadan dengan keperluan Airbus.



Saya sedang menganjurkan sesi latihan untuk bakal pelanggan di ibu pejabat kita di selatan Perancis. Beberapa peserta telah bertanya kepada saya sama ada saya boleh menganjurkan lawatan bersiar-siar untuk kumpulan tersebut selepas sesi latihan berakhir, yang termasuk jamuan makan mewah dan penginapan pada hujung minggu. Apakah yang perlu saya buat?

Airbus boleh memberikan bantuan yang munasabah kepada pelanggan secara sah, khususnya mereka yang berkunjung dari negara lain. Dalam hal ini, Airbus dapat memberikan bantuan logistik, contohnya menempah hotel tempat pelanggan ingin menginap. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh melampaui perkara ini dan membayar penginapan mereka, kerana tindakan tersebut dapat dianggap sebagai usaha untuk mempengaruhi pelanggan berpotensi dengan cara yang tidak sesuai. Pada bila-bila masa anda sedang mempertimbangkan untuk menyediakan atau menerima hadiah atau layanan kepada atau daripada pihak ketiga, anda harus merujuk kepada Arahan Hadiah & Layanan Airbus untuk memastikan anda bertindak secara konsisten dengan keperluannya.

**Seorang bekas anggota kerajaan tempatan menawarkan untuk melaksanakan misi perundingan kepada Airbus, dengan alasan bahawa dia akan menggunakan hubungannya di dalam kerajaan untuk mendapatkan kebenaran pentadbiran yang diperlukan bagi pembangunan Airbus. Apakah yang perlu saya buat?**

Kendalikan permintaan ini dengan berhati-hati kerana individu ini boleh menyalahgunakan pengaruhnya dalam cara yang menyalahi undang-undang. Untuk melindungi Airbus, sebelum melibatkan pihak ketiga untuk membantu interaksi dengan pihak berkuasa awam, anda harus memastikan kesahihan misi dan mematuhi terma Pelobi dan Arahan Penasihat Khas. Anda harus menghubungi ahli kakitangan pihak Perundangan & Pematuhan Airbus yang akan membantu melaksanakan usaha wajar berdasarkan risiko untuk memastikan integriti perunding dan kesahihan mengupahnya.

Saya mesti mendapatkan visa kecemasan dalam tempoh dua minggu untuk perjalanan atas urusan Airbus. Di kedutaan, saya diberitahu oleh seorang pegawai awam bahawa untuk mendapatkan visa akan mengambil masa minimum satu bulan, tetapi dia menawarkan untuk mempercepatkan prosedur dengan pertukarannya wang tunai 20 euro. Bagaimanakah saya harus bertindak balas terhadap cadangan ini?

Jenis bayaran kecil, tidak rasmi kepada pegawai awam berpangkat rendah ini dipanggil bayaran kemudahan. Airbus melarang apa-apa bentuk bayaran pemudahan. Oleh itu, anda harus terlebih dahulu bertanya sama ada bayaran tersebut diperlukan di bawah undang-undang tempatan dan ada kemungkinan untuk mendapatkan resit rasmi kerajaan untuk pembayaran 20 euro bagi mendapatkan visa kecemasan. Jika yuran tidak diperlukan oleh undang-undang atau ejen enggan memberikan resit rasmi untuk bayaran tersebut, terangkan kepada pegawai awam itu bahawa Airbus enggan membuat urusan sebegini, tanpa mengira jumlah pembayaran yang diminta, dan anda akan memberitahu hierarki risiko anda akibat daripada kelewatan tersebut. Sila maklumkan kepada pengurus bahagian anda atau ahli kakitangan Perundangan & Pematuhan secepat mungkin.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Anti-Corruption Policy (Dasar Anti-Rasuah Airbus)
- Airbus Gifts & Hospitality Directive (Arahan Pemberian Hadiah & Layanan Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Pengurus bahagian anda
- Ketua E&C, Perniagaan dan Program Airbus
- [compliance@airbus.com](mailto:compliance@airbus.com)



# Bekerja dengan Pihak Ketiga

## Prinsip utama

Sifat kerja kita memerlukan kita untuk berinteraksi dengan pihak ketiga. Pihak ketiga ini termasuk pelanggan, pembekal, pengedar, penjual semula, pelobi dan perunding, dan mana-mana individu atau entiti lain yang bukan pekerja atau syarikat Airbus. Untuk memastikan bahawa kita hanya bekerja dengan pihak ketiga yang mempunyai reputasi yang baik, seperti kita, yang mempunyai toleransi sifar untuk rasuah dan penyebaran pengaruh, kita lakukan usaha wajar yang teguh, berasaskan risiko sebelum melibatkan pihak ketiga. Selain itu, kita pantau pihak ketiga kita sepanjang jangka hayat hubungan perniagaan untuk memastikan mereka beroperasi mengikut piawaian kualiti dan integriti yang tertinggi dan membekalkan Airbus dengan nilai yang mereka janji untuk tunaikan.



## LAKUKAN

- Mengkategorikan pihak ketiga dengan wajar untuk memastikan mereka menjalani usaha wajar yang berdasarkan risiko sebelum terlibat.
- Maklumkan kakitangan Perundangan & Pematuhan dengan segera apa-apa maklumat yang menunjukkan bahawa pihak ketiga memberi risiko etika.
- Memastikan pihak ketiga bekerja untuk Airbus di bawah kontrak yang sah dan diluluskan.
- Memantau kerja yang dijalankan untuk memastikan pihak ketiga menyampaikan barang atau perkhidmatan yang mana ia telah dikontrak dengan cara yang profesional dan tepat pada masanya.
- Mengambil tindakan yang sesuai jika tingkah laku pihak ketiga bertentangan dengan prinsip dalam Tata ini.



## JANGAN LAKUKAN

- Menganggap bahawa peruntukan kontrak yang telah didraf dengan baik adalah cukup untuk melindungi Airbus dari liabiliti undang-undang.
- Buat-buat tidak nampak atau gagal melaporkan kebimbangan keraguan mengenai pihak ketiga.
- Percubaan untuk memintas dasar syarikat berkaitan dengan pemilihan dan usaha wajar pihak ketiga.



## S&J

**Saya mahu mengekalkan perunding. Saya telah menghubungi bahagian Perolehan untuk memastikan proses tender yang betul berlaku. Apalagi yang perlu saya lakukan untuk memastikan integriti proses orientasi pekerja baru?**

Semua pihak ketiga menimbulkan sedikit risiko kepada Airbus. Atas sebab itu, Airbus menjalankan usaha wajar berdasarkan risiko pada setiap pihak ketiga yang berurusan dengannya. Selain memastikan proses Perolehan diikuti, anda harus mengkategorikan pihak ketiga di bawah dasar dan prosedur Airbus untuk memastikan bahawa pihak ketiga menjalani tahap usaha wajar yang sesuai. Untuk mengkategorikan pihak ketiga secara teliti, biasanya anda perlu mengetahui jenis barang atau perkhidmatan untuk disediakan, cara pihak ketiga dikenal pasti untuk kerja tertentu ini, sama ada pihak ketiga boleh berinteraksi dengan pegawai kerajaan atau pelanggan Airbus dalam perjalanan kerjanya, dan maklumat lain yang berkaitan dengan integriti pihak ketiga. Kakitangan Perundangan & Pematuhan boleh membantu dalam pengkategorian jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

**Saya tidak mempunyai masa untuk menunggu sampai habis proses penyaringan pihak ketiga. Adakah syarikat dilindungi jika pihak ketiga berjanji dalam kontrak untuk menghormati semua undang-undang?**

Sama sekali tidak! Ketentuan kontrak, tanpa mengira seberapa baiknya dibuat, ia merupakan sesuatu yang terbatas apabila usaha wajar berdasarkan risiko belum dilakukan terhadap pihak ketiga. Bukan sahaja Airbus atau pekerjaannya boleh dipertanggungjawabkan secara sah atas salah laku yang dilakukan oleh pihak ketiga tersebut (seperti pembayaran sogokan), tetapi pemilihan yang buruk atau melulu untuk melibatkan pihak ketiga, yang dibuat tanpa keterangan yang relevan di mana hanya proses usaha wajar yang teliti saja dapat ditemui, boleh merosakkan reputasi Airbus.

**Saya telah mengetahui bahawa pembekal Airbus semasa turut mempunyai keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan perundingan yang saya fikir akan membantu Airbus memenangi kempen jualan yang sedang berlangsung. Apakah yang boleh saya lakukan untuk memastikan hubungan ini diluluskan?**

Pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan untuk menyokong kempen jualan adalah dirujuk sebagai rakan niaga dalam Airbus, dan berpotensi tinggi untuk risiko sogokan dan rasuah. Oleh itu, sementara pihak ketiga ini mungkin telah diluluskan untuk bekerja untuk Airbus sebagai pembekal, mereka mesti menjalani usaha wajar yang kukuh dan diluluskan oleh jawatankuasa silang fungsi di bawah Arahan Inisiatif Sokongan Pembangunan Perniagaan (BDSI) Airbus sebelum ia boleh diambil untuk membantu setiap kempen jualan.



**Saya diarahkan untuk menamatkan hubungan perniagaan dengan syarikat tertentu disebabkan masalah etika. Saya tidak bersetuju bahawa syarikat ini menimbulkan kebimbangan serius, dan ia penting untuk perniagaan saya. Bolehkah saya mengambil syarikat lain yang mempunyai pemilik yang sama?**

Tidak. Sekiranya Airbus telah menentukan bahawa syarikat perlu menamatkan hubungan perniagaan kerana risiko yang dibentangkan oleh pihak ketiga, maka anda tidak boleh cuba mencari cara lain untuk bekerjasama pihak ketiga ini. Dasar Airbus adalah bertujuan untuk melindungi bukan sahaja syarikat tetapi juga kehidupan dan reputasi warga kita sendiri. Jangan dedahkan diri anda dengan cuba untuk memintasi dasar ini.

**Saya bimbang terhadap integriti rakan usaha sama. Apakah yang perlu saya buat?**

Istilah “pihak ketiga” tidak hanya merujuk kepada pembekal atau rakan kongsi perniagaan Ia merangkumi setiap perniagaan atau bukan pekerja Airbus yang menjalankan kerja dengan atau untuk Airbus, termasuk rakan usaha sama. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai mana-mana pihak ketiga, sila Bersuara.

**Saya tahu saya perlu memantau hubungan kita dengan pihak ketiga. Untuk berbuat demikian, saya menyemak semua invois berkenaan kontrak dan pesanan pembelian. Apa lagi yang perlu saya buat?**

Setiap pekerja Airbus yang bekerja dengan pihak ketiga memainkan peranan penting dalam melindungi syarikat dengan membantu memantau kerja pihak ketiga. Pengawasan ini boleh termasuk memastikan pihak ketiga menyediakan barang atau perkhidmatannya tepat pada waktu, bahawa barang atau perkhidmatan berkualiti seperti dikontrakkan, bahawa Airbus menyedari mana-mana entiti yang mana pihak ketiga mempunyai kerja subkontrak, bahawa pihak ketiga dibayar kepada akaun bank yang sah yang tidak menimbulkan keraguan pematuhan, bahawa pihak ketiga tidak dituduh melakukan salah laku, dll. Pekerja harus memberitahu Perundangan & Pematuhan berkenaan sebarang isu etika yang mungkin timbul dengan pihak ketiga dalam perjalanan kerjanya.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Anti-Corruption Policy (Dasar Anti-Rasuah Airbus)
- Sales Intermediaries Directive (Arahan Pengantara Jualan)
- Lobbyist and Special Advisor (L&SA) Directive (Arahan Pelobi dan Penasihat Khas (L&SA))
- Supplier Compliance Review Directive and Method (Arahan dan Kaedah Kajian Pematuhan Pembekal)
- JV-M&A Anti-Corruption Directive (Arahan Anti-Rasuah & JV-M&A)
- Industrial Cooperation & Offset Anti-Corruption Method (Kaedah Ofset Anti-Rasuah & Kerjasama Perindustrian)
- Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal)
- Channel Partners Directive (Arahan Rakan Kongsi Saluran)



## Pihak untuk dihubungi

- Ketua E&C, Perniagaan dan Program Airbus
- Bahagian Tanggungjawab & Kelestarian Perolehan
- [ec-watchtower@airbus.com](mailto:ec-watchtower@airbus.com)
- [compliance@airbus.com](mailto:compliance@airbus.com)

# Pencegahan pengubahan wang haram dan pengelakan cukai

## Prinsip utama

Airbus komited untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram (AML) dan pembiayaan mencegah keganasan yang berkenaan, dan hanya akan menerima dana yang diterima daripada sumber yang sah. Selain itu, Airbus hanya menjalankan perniagaan dengan pelanggan mempunyai reputasi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah. Airbus juga menolak menjalankan perniagaan dengan cara yang membantu atau memudahkan pengelakan cukai oleh pembekal, pelanggan kita, atau pihak ketiga yang lain.



## LAKUKAN

- Pastikan usaha wajar AML dan Kenali Pelanggan anda (KYC) dilakukan ke atas semua bakal pelanggan baharu.
- Mengesahkan pelanggan benar-benar wujud dan dananya diperoleh daripada aktiviti perniagaan yang sah.
- Memberi perhatian khusus kepada pelanggan yang dikawal oleh pegawai awam atau orang yang terdedah kepada politik (PEP).
- Berhati-hati dengan tanda-tanda mengenai pengelakan cukai, termasuk lokasi akaun bank tempat kita buat pembayaran.



## JANGAN LAKUKAN

- Memulakan atau mengekalkan perhubungan pelanggan tanpa pelepasan AML terlebih dahulu.
- Terima bayaran pelanggan daripada entiti selain daripada akaun pelanggan sendiri.
- Bekerja dengan pelanggan yang mana pemilikannya tidak dapat ditentukan.
- Mengikat perjanjian di mana elemen atau sistem kewangan adalah kabur atau tidak didokumenkan.
- Bersetuju untuk mengeluarkan bayaran balik ke akaun bank mana-mana pihak ketiga yang bukan akaun bank pembayaran asal dibuat.



**Seorang pengendali yang menerbangkan pesawat Airbus yang diperoleh daripada pasaran terpakai mendekati saya untuk meminta perkhidmatan penyelenggaraan, tetapi enggan memberikan maklumat KYC. Pengendali telah cuba menekan saya untuk tidak bertanya lagi berkenaan maklumat KYC, dengan alasan bahawa ia memerlukan perkhidmatan ini atas alasan keselamatan. Bagaimanakah saya perlu merespons?**

Anda harus tegas tentang keperluan untuk maklumat KYC sebelum bersetuju untuk bekerjasama dengan bakal pelanggan, menjelaskan bahawa anda terikat dengan dasar dalaman Airbus. Anda juga harus memaklumkan Pegawai Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan pengurus bahagian anda mengenai keadaan itu.

**Airbus mempunyai kewajipan untuk mengembalikan dana kepada pelanggan. Pelanggan itu meminta Airbus mengembalikan dana itu ke akaun gabungan atau syarikat induk pelanggan, atau kepada pihak ketiga. Adakah ini dibenarkan?**

Tidak. Anda perlu menjelaskan kepada pelanggan bahawa, mengikut dasar dalaman kita, dana hanya boleh dikembalikan ke akaun pelanggan sendiri.

**Saya sedang mempertimbangkan untuk bekerja dengan vendor berpangkalan dan menyediakan perkhidmatan di Perancis yang ingin menerima bayaran dalam akaun bank yang terletak di Kepulauan Cayman. Bolehkah saya bekerjasama dengan vendor ini?**

Akaun bank yang terletak pada bidang kuasa yang selain daripada ibu pejabat pembekal atau tempat mereka sediakan perkhidmatan adalah mencurigakan, terutamanya apabila akaun bank terletak pada bidang kuasa yang terkenal dengan pengelakan cukai. Anda perlu melibatkan ahli kakitangan Perundangan & Pematuhan sebelum mengikat sebarang pengaturan dengan pembekal ini.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Requirements for Anti-Money Laundering / Know Your Customer (Keperluan Airbus untuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Kenali Pelanggan Anda)
- Method for Anti-Money Laundering / Know Your Customer (Airbus) (Kaedah untuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Kenali Pelanggan Anda (Airbus))
- Anti-Money Laundering and Counter Terrorist Financing (Airbus Defence & Space) (Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Mencegah Penganas (Bahagian Pertahanan dan Ruang Angkasa Airbus))
- Know Your Customer & Anti-Money Laundering and Combating Terrorist Financing Instruction (Airbus Helicopters) (Arahan Kenali Pelanggan Anda & Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Menangani Pembiayaan Penganas (Bahagian Helikopter Airbus))



## Pihak untuk dihubungi

- • Pegawai AML untuk Bahagian anda

# Pengurusan percanggahan kepentingan

## Prinsip utama

Kita tidak membenarkan kepentingan peribadi mengganggu, atau kelihatan mengganggu keupayaan kita untuk membuat keputusan yang adil dan objektif semasa melaksanakan pekerjaan kita untuk kepentingan terbaik Airbus. Percanggahan kepentingan tidak semestinya masalah itu sendiri, tetapi gagal untuk mengisytiharkan dan menguruskannya dengan betul mungkin mempunyai akibat negatif bagi pekerja dan untuk Airbus. Khususnya, apabila berunding dengan atau mengambil pekerja semasa atau bekas pegawai tentera dan awam, kita mesti mematuhi semua undang-undang yang berkenaan, tanpa mengira sama ada mereka akan berada dalam pengajian kita atau diambil sebagai perunding atau subkontraktor.



## LAKUKAN

- Bincang dengan pengurus bahagian anda sebarang hubungan peribadi atau profesional yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan.
- Pastikan percanggahan kepentingan dizahirkan, diuruskan dan direkodkan.
- Hubungi pihak Perundangan & Pematuhan atau Rakan Niaga Sumber Manusia anda apabila anda mempunyai soalan.



## JANGAN LAKUKAN

- Sembunyikan maklumat mengenai sebarang percanggahan kepentingan sebenar atau yang berpotensi.
- Letakkan diri anda dalam kedudukan mengambil atau menyelia ahli keluarga atau kawan rapat
- Bertindak berdasarkan situasi di mana kepentingan peribadi anda dilihat mempengaruhi keputusan perniagaan anda dalam Airbus.



S&J

**Rakan baik saya telah bertanya kepada saya jika ada peluang pekerjaan di Airbus. Bagaimana saya mengendali soalan ini?**

Airbus menggalakkan pekerja untuk merujuk calon-calon yang baik, jadi anda pasti boleh merujuk calon tersebut secara dalaman. Namun selepas membuat rujukan, anda harus tidak terlibat dalam proses pengambilan pekerja atau cuba mempengaruhi apa-apa keputusan dalaman dalam hal ini. Anda juga tidak boleh berkongsi sebarang maklumat dalaman Airbus dengan rakan anda untuk membantu dia mendapat pekerjaan, walaupun anda percaya dia ialah calon berkelayakan terbaik.

**Sepupu saya bekerja untuk syarikat yang merupakan pembekal kepada Airbus. Pengurus bahagian saya telah meminta saya untuk menyertai pasukan yang bertanggungjawab menilai tender ini. Apakah yang perlu saya buat?**

Anda harus mendedahkan maklumat ini kepada pengurus bahagian anda dengan segera. Pengurus bahagian anda mungkin memutuskan untuk memilih rakan sekerja lain untuk pasukan tersebut bagi mengelak sebarang percanggahan kepentingan.

**Saya sangat kagum dengan kualiti kerja daripada pembekal Airbus tertentu dan oleh itu saya berhasrat untuk melabur dalam syarikat itu. Adakah terdapat sebarang percanggahan kepentingan di sini?**

Walaupun penglibatan anda hanya kewangan, ia dapat menimbulkan percanggahan kepentingan bergantung pada kedudukan anda dalam Airbus, pengaruh anda terhadap keputusan pembelian, jumlah pelaburan anda dan kepentingan Airbus sebagai pelanggan kepada pembekal tertentu. Anda harus mendedahkan hal ini kepada pengurus bahagian anda dan membincangkan isu secara terbuka untuk mengenal pasti kewujudan percanggahan kepentingan.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Requirements for the management of Conflicts of Interest (Keperluan untuk pengurusan Percanggahan Kepentingan Airbus)
- Legal & Compliance community on the Hub (Komuniti Perundangan & Pematuhan dalam Hub)



## Pihak untuk dihubungi

- Ahli kakitangan Perundangan & Pematuhan
- Rakan Kongsi Perniagaan Sumber Manusia Anda

# Kawalan eksport

## Prinsip utama

Kerajaan menetapkan undang-undang kawalan eksport dan mengenakan sekatan dan embargo dalam menjaga beberapa kepentingan, termasuk keselamatan negara dan mencegah pertambahan senjata. Ini merupakan asas bahawa Airbus hendaklah menjadi pengeksport yang boleh dipercayai, kerana mana-mana pelanggaran undang-undang ini boleh mempunyai akibat yang serius, termasuk gangguan perniagaan dan denda. Akibatnya, sebelum bekerja atau transaksi dengan mana-mana pihak ketiga atau terlibat dalam sebarang eksport, eksport semula, atau pemindahan barang terkawal (termasuk barang ketara serta perisian dan data yang tidak ketara), kita mesti memastikan pematuhan undang-undang kawalan eksport dalam bidang kuasa yang berkaitan.

## LAKUKAN

- Hubungi bahagian Kawalan Eksport untuk panduan jika anda berurusan dengan eksport, mengeksport semula atau memindahkan barang terkawal (termasuk barangan, perkhidmatan, perisian dan teknologi).
- Menghubungi bahagian Kawalan Eksport seawal mungkin mengenai projek baharu untuk mengelakkan daripada gangguan penghantaran.
- Mematuhi sekatan dan larangan antarabangsa serta kebangsaan dan hubungi bahagian Kawalan Eksport apabila anda sedang mempertimbangkan projek baharu yang berada dalam atau melibatkan entiti dari bidang kuasa sensitif.
- Mengelaskan produk anda (perkakasan, pelan induk, lukisan, dll) untuk memudahkan penentuan dan permohonan pelesenan.
- Mengasingkan produk yang dilindungi oleh peraturan Kawalan Eksport.
- Simpan data terkawal dalam sistem yang ditentukan, dan hanya berkongsi akses dengan individu yang diiktiraf.
- Rekodkan pemindahan dan eksport barang dan data teknikal terkawal.
- Lengkapkan semua latihan kawalan eksport yang wajib.

## JANGAN LAKUKAN

- Lupa untuk memasukkan masa tambahan untuk mendapatkan lesen kawalan eksport dalam garis masa keseluruhan projek.
- Menganggap hanya jualan ketenteraan yang tertakluk kepada sekatan dan/atau larangan kawalan eksport.
- Menganggap semua maklumat yang diberikan oleh vendor adalah tepat tanpa mengesahkan maklumat penting.
- Menganggap barang atau data sesuai untuk eksport atau pemindahan – semak pengelasan dahulu.

## S&J

**Adakah saya perlu bimbang tentang undang-undang kawalan eksport jika saya tidak terlibat dengan barangan ketenteraan?**

Ya. Walaupun kebanyakan produk berkaitan pertahanan kita tertakluk kepada sekatan kawalan eksport, barang dwi penggunaan (barang yang boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan dan bukan ketenteraan) juga tertakluk kepada kawalan eksport. Sentiasa mendapatkan bantuan daripada bahagian Kawalan Eksport.

**Saya sedang memulakan projek dengan tarikh akhir yang sangat ketat. Bagaimanakah saya boleh membantu pakar Kawalan Eksport untuk memudahkan proses pelesenan?**

Terdapat beberapa langkah yang boleh anda ambil: **(1)** mengelaskan produk seawalnya; **(2)** membantu pembekal kita melengkapkan sijil pengguna akhir supaya mereka dan kita boleh menerima lesen eksport untuk menghantar produk; dan **(3)** menerangkan konteks perniagaan untuk memastikan agensi kerajaan yang berkaitan memahami projek tersebut.

**Saya baru-baru ini mengetahui bahawa sebuah negara asing telah mengenakan sekatan ekonomi kepada individu yang saya percaya bekerjasama dengan pembekal atau pelanggan Airbus. Apakah yang perlu saya buat?**

Anda harus segera memaklumkan pihak Perundangan & Pematuhan. Sekatan ekonomi, walaupun yang dikeluarkan oleh negara selain daripada negara asal Airbus, boleh mempunyai impak yang ketara kepada perniagaan syarikat. Kegagalan untuk mematuhi kawalan eksport boleh mendatangkan akibat yang sangat serius.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- ITAR Part 130 Policies (Dasar Bahagian 130 ITAR) (Pengelasan Kawalan Eksport)
- Export Control Sanctions and Embargoes (Sekatan dan Embargo Kawalan Eksport)
- Escalations and Voluntary Disclosures (Pengetengahan dan Penzahiran Sukarela)
- Export Control Brokering (Pembrokeran Kawalan Eksport)
- Export Control Classification
- Export Control Licences and Agreements (Lesen dan Perjanjian Kawalan Eksport)
- Export Control Inbound and Outbound (Kemasukan dan Keluaran Kawalan Eksport)
- Export Control Intangibles Management (Pengurusan Barang Tidak Ketara Kawalan Eksport)

## Pihak untuk dihubungi

- Ketua Kawalan Eksport Airbus
- trade-compliance.export@airbus.com
- Ketua Bahagian Kawalan Eksport

# Bersaing secara adil

## Prinsip utama

Undang-undang persaingan berkuatkuasa di seluruh dunia untuk mengelakkan perjanjian dan amalan yang boleh mengubah atau melarang persaingan di pasaran dengan ketara.

Kita tidak memperoleh risikan daya saing melalui cara yang tidak sah atau tidak beretika termasuk melalui sogokan.

Apabila bekerja dengan pelanggan seperti kerajaan dan Kementerian Pertahanan atas projek yang boleh menimbulkan isu keselamatan negara, kita tidak akan mendapatkan akses yang tidak dibenarkan kepada bahan, dan kita akan mengendalikan maklumat rahsia atau ditanda proprietari mengikut undang-undang, dasar dan proses yang sesuai.



## LAKUKAN

- Mengekalkan pertukaran dengan pesaing pada tahap yang sangat tinggi.
- Maklumkan kepada pengurus bahagian anda dan ahli kakitangan Perundangan & Pematuhan jika kita secara tidak sengaja menerima atau menggunakan maklumat proprietari atau sulit yang berkaitan dengan pesaing dan secara sah dimiliki oleh mereka atau pihak ketiga.
- Jauhkan diri daripada perjumpaan di mana pesaing bertukar maklumat komersial yang sensitif.
- Ambil langkah-langkah tambahan untuk memastikan maklumat Airbus selamat apabila meninggalkan ruang kerja dan melindungi maklumat Airbus apabila bekerja di luar premis Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Mengumpulkan risikan daya saing melalui cara yang menyalahi undang-undang atau gagal memperkenalkan diri dengan jelas sebagai pekerja Airbus ketika mengumpulkan maklumat.
- Terlibat dalam perbincangan mengenai penipuan bida, penetapan harga dan peruntukan pasaran atau pelanggan.
- Bertukar maklumat dengan pesaing berkaitan dengan harga, kaedah atau dasar harga, margin, terma atau syarat jualan, kapasiti pengeluaran atau penyertaan dalam tender.
- Bersetuju dengan klausa eksklusif atau serupa tanpa terlebih dahulu berunding dengan pihak Perundangan & Pematuhan.



**Pada pameran udara antarabangsa, saya telah jemput untuk perbincangan dengan pekerja daripada pesaing Airbus mengenai persekitaran pasaran keseluruhan dan kempen yang sedang dijalankan. Apakah perkara yang perlu saya berhati-hati semasa perbincangan tersebut?**

Walaupun tiada salahnya secara semula jadi membincangkan persekitaran pasaran umum dengan para pesaing kita, tetapi terdapat had yang tidak boleh dilepasi: membincangkan atau bertukar maklumat komersial yang sensitif. Ini termasuk apa-apa maklumat yang tidak ada dalam domain awam atau maklumat jika dizahirkan, boleh menyebabkan kemudaratan kepada kepentingan komersial sesebuah syarikat berbanding pesaingnya. Sekiranya anda mempunyai keraguan sama ada subjek yang anda sedang berbincang adalah sensitif secara komersial, tinggalkan perbualan tersebut atau tukar topik perbincangan.

**Semasa menyediakan respon Airbus kepada panggilan pelanggan untuk tender, syarikat lain mencadangkan bahawa ia akan mengemukakan tawaran yang melambung untuk memastikan Airbus memenangi kempen ini dan meminta perkara sama untuk pertukaran dalam tender masa depan. Adakah ini situasi menang-menang?**

Tidak sama sekali! Tingkah laku tersebut melanggar undang-undang persaingan dan boleh mendedahkan syarikat kepada liabiliti undang-undang yang berat. Anda tidak sepatutnya bersetuju dengan cadangan pesaing dan harus segera memaklumkan pihak Perundangan & Pematuhan.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Antitrust Directive (Arahan Antitrust Airbus)
- Airbus Antitrust Guidelines (Garis Panduan Antitrust Airbus)
- Antitrust Do's and Don'ts Leaflet (Risalah Antitrust Lakukan dan Jangan Lakukan)
- Antitrust Drafting and Talking Tips Leaflet (Risalah Antitrust Petua Mendraf dan Bercakap)
- Guidelines for meetings with competitors (Garis panduan untuk perjumpaan dengan pesaing)
- Competitive Intelligence Guidelines (Garis Panduan Risikan Bersaing)



## Pihak untuk dihubungi

- Pasukan Perundangan & Pematuhan, Undang-undang Persaingan

# Perdagangan orang dalam

## Prinsip utama

Kami menggalakkan pekerja kita menjadi pemegang saham dalam Airbus. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh membeli atau menjual saham dalam Airbus atau mana-mana syarikat lain jika anda mempunyai maklumat dalamannya pada masa transaksi yang anda fikirkan. Maklumat dalaman biasanya maklumat umum yang bukan awam dan yang boleh memberi impak kepada harga saham sesebuah syarikat Pekerja. Airbus pada peringkat kanan tertentu adalah dilarang untuk berdagang dalam saham Airbus semasa tempoh kalendar tertentu (dikenali sebagai "Tempoh Larangan Dagangan"), tanpa mengira sama ada mereka memegang maklumat dalaman atau tidak.



## LAKUKAN

- Memastikan anda ketahui dan sentiasa mematuhi Peraturan Perdagangan Orang Dalam Airbus.
- Mengekalkan kerahsiaan mana-mana maklumat dalaman yang anda mempunyai akses untuk mengelakkan sebarang pendedahan yang tidak disengajakan.
- Menghubungi pihak Perundangan & Pematuhan jika anda mempunyai pertanyaan tentang apa-apa potensi maklumat dalaman.



## JANGAN LAKUKAN

- Membeli atau menjual saham dalam Airbus atau mana-mana syarikat lain jika anda mempunyai maklumat dalamannya pada masa transaksi yang anda fikirkan.
- Membincangkan maklumat dalaman dengan sesiapa sahaja di luar syarikat, termasuk rakan dan keluarga.
- Mendedahkan maklumat dalaman kepada orang lain dalam Airbus melainkan anda diberi kuasa untuk berbuat demikian.



## S&J

**Dalam kedudukan saya, saya terdedah kepada banyak maklumat perniagaan sensitif mengenai produk, strategi dan operasi kita. Apakah yang membezakan maklumat dalaman daripada maklumat sulit lain yang saya mempunyai akses?**

Maklumat dalaman ialah maklumat mengenai mana-mana syarikat tersenarai awam, termasuk Airbus, iaitu: **(1)** adalah tepat; **(2)** bukan awam; dan **(3)** berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas harga saham syarikat itu jika diumumkan.

**Saya fikir saya mungkin mempunyai maklumat dalaman, tetapi saya ingin membeli saham Airbus kerana saya percaya kepada syarikat kita. Apakah yang perlu saya buat?**

Sekiranya berlaku keraguan tentang sama ada peristiwa atau keadaan tertentu dianggap sebagai maklumat dalaman, hubungi ahli kakitangan Perundangan & Pematuhan untuk semakan yang lebih teliti. Sementara menunggu semakan tersebut, anda tidak boleh berdagang dalam mana-mana saham Airbus dan memastikan maklumat tersebut sulit.

**SayabarusahajaterdengarsecarahsiabahawaAirbusakanmemperoleh syarikat lain. Ini kelihatan seperti masa yang sangat baik untuk membeli saham salah satu daripadanya (atau kedua-duanya), kerana nilai-nilai tersebut pasti akan meningkat apabila perjanjian itu diumumkan. Bolehkah saya teruskan dan berbuat demikian?**

Tidak, awak tak boleh. Sebagai seorang pekerja Airbus, anda kemungkinan besar dianggap sebagai "orang dalam" dan oleh itu tidak boleh membeli atau menjual saham sama ada Airbus atau syarikat lain sehingga perjanjian tersebut diumumkan kepada orang awam.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Requirements for Insider Trading Rules (Keperluan untuk Peraturan Perdagangan Orang Dalam)



## Pihak untuk dihubungi

- Perundangan & Pematuhan, Pegawai Pematuhan Peraturan Perdagangan Orang Dalam Airbus

# PRODUK, ASET DAN DATA kita



“Kita bekerjasama dengan pelanggan kita untuk menyampaikan penyelesaian yang bernilai dan lestari bersama-sama.”

“Kebolehpercayaan kita mendorong kecekapan dan pemikiran kita untuk menyampaikan tepat pada masa, kos dan kualiti.”

**Nilai Airbus**



# Keselamatan produk

## Prinsip utama

Ia adalah satu tragedi bagi sesiapa sahaja yang kehilangan nyawa mereka atau cedera dalam kemalangan. Airbus mempunyai tanggungjawab yang unik kepada orang awam untuk memastikan bahawa kemalangan dicegah. Oleh sebab itu, memastikan tahap tertinggi keselamatan produk adalah keutamaan Airbus. Setiap pekerja, tanpa mengira tahap, mesti melakukan bahagiannya untuk memastikan bahawa keselamatan tidak akan pernah terjejas. Pekerja digalakkan melaporkan sebarang kebimbangan mengenai keselamatan produk dengan segera.



## LAKUKAN

- Mengiktiraf kewajipan kita untuk memastikan orang awam dan pengguna tentang produk kita selamat.
- Mengetahui cara anda menyumbang kepada keselamatan dalam kerja harian anda.
- Bersuara dan laporkan sebarang kebimbangan mengenai keselamatan.



## JANGAN LAKUKAN

- Berdiam diri apabila anda mempunyai kebimbangan tentang keselamatan.
- Melibatkan diri dengan perbincangan dalam talian atau membuat komen orang ramai mengenai kemalangan, kegagalan produk atau peristiwa operasi lain.



## Saya telah merosakkan komponen produk secara tidak sengaja. Apakah yang perlu saya buat?

Anda harus melaporkan sebarang kebimbangan keselamatan atau kualiti mengenai produk kita melalui saluran yang sesuai dan tanpa rasa takut terhadap tindakan balas. Saluran ini boleh merangkumi pengurusan anda, wakil keselamatan atau kualiti tempatan anda, secara terus kepada ahli bahagian Keselamatan Produk, atau secara rahsia melalui OpenLine.

## Saya telah melihat beberapa amalan di luar syarikat kita yang mungkin mempunyai kesan terhadap keselamatan dalam Airbus. Apakah yang perlu saya buat?

Tidak kira asal usul isu ini, sila laporkan sebarang kebimbangan keselamatan Pembekal Airbus merupakan bahagian yang penting dalam rantaian nilai kita, dan kita menjangka dan memerlukan mereka memenuhi standard keselamatan tertinggi. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai pembekal, sila Bersuara Memastikan keselamatan produk memerlukan sokongan setiap pekerja.

## Saya membaca beberapa ulasan dalam talian mengenai kemalangan atau peristiwa dan saya percaya mereka perlu diperbetulkan. Apakah yang perlu saya buat?

Kemalangan atau kegagalan produk melibatkan faktor kompleks memerlukan analisis mendalam dan penyiasatan menyeluruh. Di samping itu, syarikat mempunyai kewajipan kerahsiaan yang timbul daripada sebarang penyiasatan terhadap insiden ini. Oleh itu, pekerja tidak perlu mengulas mengenai kemalangan, kegagalan produk atau peristiwa operasi lain melainkan mereka mempunyai mandat daripada Airbus. Berbuat demikian boleh merosakkan reputasi syarikat dan mendedahkan Airbus kepada liabiliti undang-undang yang tidak perlu.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Product Safety Company Policy (Dasar Keselamatan Produk Syarikat Airbus)
- Corporate Safety Management System Manual (Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Korporat)
- Just & Fair Commitment (Komitmen Adil & Saksama)

## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Keselamatan Produk

# Alam sekitar

## Prinsip utama

Kita mempunyai tanggungjawab kepada komuniti global untuk melindungi alam sekitar dalam operasi kita dan di seluruh rantai nilai kita. Selain itu, kita mesti mematuhi dan berusaha untuk melampaui semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan di mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Oleh itu, kita menggalakkan kecekapan eko dalam semua aktiviti perniagaan kita dengan berusaha untuk mengurangkan keseluruhan kesan pada alam sekitar Airbus, terutamanya penggunaan bahan berbahaya kita dan pelepasan karbon dioksida. Kita juga terlibat dengan syarikat-syarikat di seluruh sektor aeroangkasa untuk mengurangkan kesan pada alam sekitar produk Airbus di dalam operasi Airbus. Mengharapkan asas pembekalannya untuk memegang, mengikuti, dan melatakan prinsip kelestarian alam sekitar kami.



## LAKUKAN

- Mengikuti peraturan tempatan yang terpakai untuk penyimpanan dan penggunaan kimia serta bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar (cth, penggunaan tenaga, pemisahan buangan, pencegahan pencemaran).
- Melaporkan sebarang keadaan luar biasa yang boleh menjejaskan persekitaran tempatan.
- Memerlukan rantai bekalan kita untuk mengurangkan kesan pada alam sekitarnya sendiri dan untuk mematuhi peraturan alam sekitar serta keperluan pembekal Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Mencampurkan pelbagai jenis buangan apabila kutipan buangan berasingan tersedia.
- Menerima amalan alam sekitar dalam rantai bekalan kita yang kita tidak akan menerima dalam operasi Airbus.



## S&J

**Seorang bakal pembekal meminta saya mengeluarkan keperluan alam sekitar daripada kontrak standard kita. Bolehkah saya melakukan perkara ini?**

Tidak. Airbus membangunkan keperluan ini untuk menyokong penggunaan prinsip kelestarian alam sekitar kita di rantai bekalan kita dan untuk menyokong kesinambungan perniagaan. Untuk mengelakkan gangguan perniagaan, ini adalah penting untuk mempunyai keperluan ini disediakan dan untuk memastikan ia difahami dengan baik oleh pembekal kita. Kes tertentu atau soalan perlu dibincangkan dengan pakar Hal Ekwil Alam Sekitar dan Perundangan & Pematuhan.

**Saya perhatikan bahawa banyak lampu, komputer dan mesin lain di ruang kerja saya masih dihidupkan, walaupun ada masanya tiada orang di tempat tersebut. Apakah yang boleh saya lakukan untuk menangani ini?**

Anda mungkin telah mengenal pasti peluang untuk mengambil langkah mudah untuk mengurangkan penggunaan tenaga pejabat atau ruang kerja anda. Mulakan dengan bercakap dengan pengurus bahagian anda untuk memastikan bahawa anda memahami langkah-langkah penjimatan tenaga yang telah disediakan, serta untuk membangunkan rancangan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakan sekerja anda supaya mematikan lampu, komputer dan mesin yang tidak digunakan. Anda juga boleh menghubungi bahagian Hal Ekwil Alam Sekitar untuk sokongan dan bimbingan.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Environmental Policy (Dasar Alam Sekitar Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Hal Ekwil Alam Sekitar

# Melindungi aset kita

## Prinsip utama

Kita masing-masing mempunyai kewajiban untuk melindungi aset Airbus, termasuk harta fizikal, maklumat sulit dan harta intelektual daripada kecurian, kerosakan, penyalahgunaan dan pelupusan yang tidak betul. Kita juga mempunyai kewajiban untuk melindungi aset yang diamanahkan kepada kita oleh pihak ketiga yang bekerjasama dengan kita. Di mana pekerja Airbus diberikan akses kepada maklumat sulit oleh kerajaan, sebarang pertukaran atau penghantaran maklumat atau bahan sulit mestilah mematuhi sepenuhnya proses keselamatan dan pelepasan yang diperlukan. Pekerja hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa insiden sebenar atau disyaki atau penyalahgunaan aset perniagaan kepada bahagian Keselamatan Airbus.



## LAKUKAN

- Melindungi semua aset Airbus, termasuk dokumen, maklumat sulit, harta intelektual dan aset fizikal (alat ganti, perabot pejabat, komputer, dll.).
- Mendapatkan nasihat daripada bahagian Keselamatan sebelum melancarkan perniagaan, terutamanya jika melibatkan maklumat sulit kerajaan.
- Dapatkan nasihat daripada pasukan Harta Intelektual mengenai sebarang transaksi yang melibatkan harta intelektual Airbus.



## JANGAN LAKUKAN

- Memberi akses pada alat IT kepada individu yang tidak mempunyai kebenaran yang sewajarnya untuk mengakses alatan tersebut.
- Menggunakan, mengubah suai, atau mendedahkan maklumat proprietari pihak ketiga tanpa kebenaran.
- Memintasi kawalan akses fizikal sedia ada di tapak Airbus.



**Saya mahu menyertai perkongsian dengan sebuah syarikat terkenal. Bolehkah saya bertukar maklumat sensitif dengan bakal rakan kongsi dalam konteks rundingan perkongsian?**

Anda boleh berkongsi maklumat sensitif dengan pihak ketiga, tetapi hanya jika anda mempunyai perjanjian tanpa pendedahan (NDA) disediakan sebelum menyampaikan sebarang maklumat sulit Airbus. Di samping itu, anda tidak boleh meminta, menerima, atau menggunakan maklumat proprietari pihak ketiga (sama ada yang disediakan oleh pelanggan atau sebaliknya) melainkan pemilik data bersetuju untuk melepaskan dan menggunakannya.

**Apakah yang perlu saya buat jika saya berpendapat Airbus mungkin melanggar hak harta intelektual pihak ketiga atau jika terdapat penggunaan tidak sah harta intelektual Airbus oleh pihak ketiga?**

Penggunaan harta intelektual pihak ketiga yang tidak betul—sama ada secara sengaja atau tidak sengaja—boleh menyebabkan risiko undang-undang dan kewangan yang berat untuk Airbus. Jika anda prihatin terhadap Airbus berpotensi melanggar hak harta intelektual pihak ketiga, anda harus menghubungi bahagian Harta Intelektual dan Perundangan & Pematuhan secepat mungkin.

**Seorang rakan sekerja tidak mempunyai akses kepada alat IT yang mana saya ada hak mentadbir. Bolehkah saya berkongsi maklumat log masuk dengan rakan sekerja saya ini?**

Anda tidak sepatutnya berkongsi maklumat log masuk anda. Sebaliknya, anda perlu membuat log masuk baru untuk rakan sekerja anda setelah menerima fail kebenaran daripada pemimpin pakej kerja Airbus yang mengesahkan keperluan pekerja tersebut untuk mengakses alat tersebut.

**Seorang pelawat ke tapak Airbus terperangkap di pintu yang saya mempunyai hak untuk akses. Apakah yang perlu saya buat?**

Anda tidak sepatutnya memberikan akses kepada pelawat tanpa mengenal pasti hos pelawat tersebut dan perjumpaan dengan hos. Jika anda tidak dapat mengenal pasti hos pelawat tersebut, bawa pelawat kembali ke pintu masuk utama tapak dan maklumkan pihak Keselamatan.

## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Information Management & Use of Information Systems and Technologies (IS&T) Facilities Charter (Piagam Sistem Pengurusan & Penggunaan Maklumat dan Kemudahan Teknologi Maklumat (IS&T) Airbus)
- Airbus Intellectual Property General Guidelines (Garis Panduan Am Harta Intelektual Airbus)
- Airbus Intellectual Property Guidelines for Collaboration (Garis Panduan Harta Intelektual Airbus untuk Kerjasama)
- Airbus Intellectual Property Confidentiality (Kerahsiaan Harta Intelektual Airbus)

## Pihak untuk dihubungi

- Bahagian Keselamatan Airbus
- [classificationit.military@airbus.com](mailto:classificationit.military@airbus.com)
- [travel.security@airbus.com](mailto:travel.security@airbus.com)
- [compliance@airbus.com](mailto:compliance@airbus.com)

# Mengekalkan rekod yang tepat

## Prinsip utama

Selain daripada pentingnya untuk memastikan daya saing kita di pasaran, pengawal selia kita memerlukan kita untuk mengekalkan rekod yang tepat. Jika kita tidak, kita menghadapi hukuman yang berat dan risiko yang menjejaskan pemegang saham dan pekerja kita Atas sebab itu, kita semua mesti memastikan bahawa maklumat perniagaan yang kita buat adalah tepat, tepat pada masanya, lengkap, adil dan boleh difahami.



## LAKUKAN

- Mengikuti prosedur kawalan dalam Airbus dalam mengekalkan rekod kewangan kita.
- Mengekalkan dan memusnahkan dokumen mengikut jadual dan prosedur pengekalan rekod Airbus.
- Rujuk kepada pengurus barisan anda atau pihak Perundangan & Pematuhan dengan soalan tentang tempoh yang anda perlu untuk mengekalkan dokumen atau cara memusnahkannya dengan betul.
- Bersuara jika anda mempunyai kebimbangan mengenai sebarang rekod perniagaan.



## JANGAN LAKUKAN

- Membuat atau menyertai dalam membuat rekod yang cuba untuk mengelirukan sesiapa sahaja atau menyembunyikan apa-apa aktiviti yang tidak wajar.
- Membuat entri palsu atau mengelirukan, atau membenarkan atau memudahkan pendedahan yang tidak wajar atau tidak mencukupi.
- Buat-buat tidak nampak terhadap rekod perniagaan yang mencurigakan.



## S&J

**Jabatan kami telah melepasi had perbelanjaannya. Untuk mengurangkan perbelanjaan ini, pengurus barisan saya meminta saya memindahkan beberapa kos dan perbelanjaan ke jabatan lain yang mempunyai perbelanjaan yang terkurang belanjawan. Bolehkah saya menjalankan permintaan pengurus saya?**

Tidak. Pelaporan kos dan perbelanjaan yang tidak tepat ialah perbuatan manipulasi buatan rekod kewangan syarikat dan dilarang sama sekali. Dengan berbuat demikian boleh mewujudkan liabiliti sivil dan jenayah bagi syarikat dan individu yang terlibat.

**Pihak ketiga yang diambil oleh Airbus dikehendaki menghantar kontrak untuk menyerah, bersama-sama dengan invoisnya, laporan bulanan mengenai perkhidmatan yang telah disediakan. Berdasarkan interaksi saya dengan pihak ketiga ini, saya percaya bahawa maklumat dalam laporan yang diserahkan tidak benar atau tidak sepenuhnya menggambarkan aktiviti pihak ketiga. Apakah yang perlu saya buat?**

Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai rekod atau laporan yang diserahkan oleh pihak ketiga, tidak kira keremehannya, sila kemukakan perkara ini kepada pihak Perundangan & Pematuhan dengan segera. Jika pihak ketiga menyerahkan laporan aktiviti yang tidak tepat atau tidak lengkap, kita tidak tahu sejauh mana kerja yang telah dilaksanakan dan sama ada dana Airbus digunakan dengan betul.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Anti-Corruption Policy (Dasar Anti-Rasuah Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Wakil Perundangan & Pematuhan
- Wakil Kewangan

# Kerahsiaan data dan etika digital

## Prinsip utama

Airbus komited untuk melindungi privasi individu dan mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi yang berkenaan dan khususnya Peraturan Perlindungan Data Umum Kesatuan Eropah (GDPR). Selain itu, teknologi digital menjadi semakin penting dalam syarikat dan kehidupan profesional kita. Walaupun memanfaatkan teknologi digital baru untuk meningkatkan prestasi perniagaan dan kepuasan pelanggan, kita juga komit pekerja kita akan memanfaatkan pembangunan ini. Setia kepada nilai Airbus, kita bertekad untuk melakukan pendigitalisasi dengan cara manusia dan etika yang mengimbangi kemanusiaan dan teknologi.



## LAKUKAN

- Mengumpul data peribadi hanya setakat yang sangat diperlukan untuk memenuhi tujuan yang sah atau mematuhi undang-undang.
- Mendapatkan nasihat daripada pasukan Perlindungan Data sebelum memindahkan data peribadi di luar Kesatuan Eropah.
- Melaporkan sebarang pelanggaran data peribadi dengan segera.
- Menggunakan teknologi digital dalam perkhidmatan manusia untuk memperkayakan pengalaman pelanggan kita serta mengembangkan kecekapan dan kemahiran pasukan kita dan setiap individu.



## JANGAN LAKUKAN

- Menganggap data peribadi yang dikumpulkan untuk satu tujuan boleh digunakan untuk tujuan lain.
- Mengumpul data sensitif (cth., data kesihatan) jika tidak diperlukan oleh undang-undang atau dipersetujui oleh subjek data.



**Saya mahu memindahkan maklumat, yang termasuk data peribadi pekerja atau pihak ketiga, ke peranti USB supaya saya boleh bekerja dari rumah. Apakah langkah-langkah lain yang perlu saya ambil sebelum memindahkan data ini?**

Memindahkan data peribadi pekerja atau pihak ketiga ke media yang boleh ditanggal seperti peranti USB menimbulkan risiko yang sangat tinggi, dan harus dilakukan bila perlu di luar kebiasaan. Atas sebab ini, berbuat demikian mesti mendapatkan terlebih dahulu kebenaran daripada pengurus anda. Jika pengurus anda meluluskan permintaan ini, anda hendaklah pastikan untuk selalu menggunakan peranti media sulit, yang diluluskan oleh Airbus.

**Saya mahu membuat “papan foto” yang menunjukkan gambar semua ahli pasukan saya. Bolehkah saya melakukan perkara ini?**

Foto merupakan data peribadi oleh demikian anda harus mendapatkan kebenaran daripada semua individu yang berkenaan sebelum memaparkan gambar-gambar mereka. Jika mana-mana individu membantah, foto mereka tidak boleh disiarkan.

**Bolehkah saya mengumpul data berkaitan kesihatan pasukan saya untuk tujuan kesejahteraan mereka?**

Maklumat jenis ini dianggap data yang “sensitif”. Tiada pemprosesan data sensitif—termasuk data kesihatan atau genetik, biometrik, maklumat mengenai kepercayaan politik, agama, atau falsafah, kehidupan seks atau orientasi seksual, keahlian kesatuan sekerja, asal-usul kaum atau etnik, atau rekod jenayah—dibenarkan, melainkan jika diperlukan oleh undang-undang atau atas persetujuan jelas terlebih dahulu daripada subjek data.

**Pendigitalisan akan memberi impak besar kepada keadaan kerja masa depan pekerja kita. Apakah yang Airbus lakukan dalam hal ini?**

Satu kesan daripada teknologi digital adalah kemungkinan untuk sentiasa berhubung dan tersedia. Walaupun ini meningkatkan autonomi kakitangan kita, kita menggalakkan semua pekerja untuk mempertimbangkan cara untuk mencapai sambungan ini bagi mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan yang sihat.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Personal Data Protection Directive (Arahan Perlindungan Data Peribadi)
- Airbus Data Privacy FAQs (Soalan Lazim Privasi Data Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Komuniti Privasi Data Peribadi dalam Hab
- ENSURE
- [compliance@airbus.com](mailto:compliance@airbus.com)

# Mengurus komunikasi kita

## Prinsip utama

Jenama dan reputasi Airbus adalah salah satu aset kita yang paling berharga. Kita mesti menggalakkan dan melindungi jenama kita secara logik, konsisten dan tepat untuk mengekalkan kekuatan Airbus di pasaran.



## LAKUKAN

- Menghantar sebarang permintaan untuk memberi komen daripada media kepada bahagian Komunikasi.
- Mendapatkan kelulusan sebelum membuat sebarang kenyataan awam mengenai Airbus.
- Memberi maklumat yang tepat kepada orang awam mengenai perniagaan kita.
- Berhati-hati ketika bercakap tentang Airbus di media sosial.



## JANGAN LAKUKAN

- Menyediakan maklumat kepada media tanpa kelulusan dan bimbingan terlebih dahulu daripada jabatan yang berkaitan.
- Menyiarkan imej premis Airbus di media sosial.
- Menghina secara umum sebarang produk, perkhidmatan, atau pekerja pesaing.



## S&J

**Saya menerima panggilan daripada wartawan yang meminta saya memberi komen untuk artikel yang dia tulis. Saya percaya wartawan mempunyai maklumat yang salah tentang Airbus. Bagaimanakah saya harus menangani perkara ini?**

Anda harus merujuk wartawan tersebut kepada bahagian Komunikasi, yang akan menentukan cara terbaik untuk bertindak balas. Walaupun ia penting bagi Airbus untuk memberikan maklumat yang tepat kepada orang ramai, pasukan Komunikasi kita harus menguruskan semua hubungan dengan media.

**Bolehkah saya berkongsi gambar diri saya di kemudahan pengeluaran kita dengan rakan-rakan saya di media sosial?**

Gambar kemudahan pengeluaran hanya boleh diambil dan dikongsi oleh kakitangan yang dibenarkan, dan dalam apa jua keadaan tidak boleh dikongsi pada akaun media sosial peribadi. Ini penting untuk melindungi harta intelektual dan nilai jenama kita.



## Dokumen penting Airbus untuk rujukan

- Airbus Brand Directive (Arahan Jenama Airbus)
- Brand Management community on the Hub (Komuniti Pengurusan Jenama dalam Hub)
- Airbus Golden Rules for Communications (Pedoman Penting Airbus untuk Komunikasi)
- Airbus Social Media Guidelines (Garis Panduan Media Sosial Airbus)
- Airbus Internal Editorial Rules (Peraturan Editorial Dalam Airbus)



## Pihak untuk dihubungi

- Komunikasi Pekerja
- Pengurusan Jenama
- Bahagian Perhubungan Berita dan Media



# Anotasi

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....



# AIRBUS

**AIRBUS S.A.S. 31700 Blagnac Cedex, France**  
© Airbus SAS 2023 - All rights reserved. Airbus, Its product and service designations are protected trademarks.

Concept design by Airbus Multi Media Studio 20222298.  
Photos by A. Doumenjou, H. Goussé, PeopleImages, Natee Meeplian, Kick Images, Yuri\_Arcurs.

September, 2019.

Printed in France by Airbus Print Centre.

Proprietary document. This document and all rights, titles, interests in and to its content are the sole property of Airbus SAS. No intellectual property rights are granted by the delivery of this document or the disclosure of its content. This document shall not be reproduced or disclosed to a third party without the express written consent of Airbus SAS.

This document and its content shall not be used for any purpose other than that for which it is supplied. The statements made herein do not constitute an offer. They are based on the mentioned assumptions and are expressed in good faith. Where the supporting grounds for these statements are not shown, Airbus SAS, will be pleased to explain the basis thereof.

This brochure is printed on Triple Star Satin. This paper is produced in factories that are accredited EMAS and certified ISO 9001-14001, PEFC and FSC@CoC. It is produced using pulp that has been whitened without either chlorine or acid. The paper is entirely recyclable and is produced from trees grown in sustainable forest resources.

The printer, Airbus Print Centre (31700 Blagnac, France), is engaged in a waste management and recycling programme for all resulting by-products.